

# Malam Puisi Riong bakal meriah UMS

BT 11.9.2013 13

**Kuala Lumpur:** ‘Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia’ yang diangkat sebagai tema Malam Puisi Riong BH-Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menggegarkan Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu, jam 7.30 malam ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Malam Puisi Riong BH-UMS, No’man Ahmad, berkata acara apresiasi puisi itu menjadi sumbangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terabit dalam meraikan sambutan 50 tahun pembentukan Malaysia.

Katanya, malam puisi itu diharap dapat menanamkan ke-

sedaran dan menyemarakkan semangat kenegaraan serta patriotisme, khususnya kepada warga UMS.

“Tambah menarik, kami baru menerima kehadiran seramai 4,000 pelajar baru dan malam puisi ini sudah pasti memberi pengalaman apresiasi puisi patriotisme kepada mereka,” katanya di sini, semalam.

No’man yang juga Ketua Jabatan Canselor UMS berkata, Malam Puisi Riong BH-UMS turut menjemput pelajar IPT lain dan sekolah berasrama berhampiran, selain kakitangan serta orang awam untuk sama merayakan sambutan

pembentukan Malaysia dalam bentuk puisi.

## Citra budaya Sabah

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Pengelola Malam Puisi Riong BH-UMS, Lokman Abdul Samad, berkata acara menjelang sambutan Hari Malaysia ke-50 itu sarat dengan pelbagai persembahan berbentuk kenegaraan, patriotik dan keindahan citra budaya Sabah.

“Kami turut membawa beberapa penyair hebat dari Semenanjung untuk berkongsi pentas dengan anak jati Sabah yang berbakat besar dalam dunia puisi sebagai lambang penyatuhan,” katanya.

Antara penyair anak jati Negeri di Bawah Bayu yang akan beraksi ialah pelopor sajak jenaka di Sabah yang juga Pensyarah UMS, Mohammad Fuad Bebit atau lebih dikenali sebagai Sifu Art, selain penulis yang juga pengarah filem dan pelakon, Awang Karim Kadir.

**Penerima SEA Write hadir** Malam puisi itu turut menampilkan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2005, Abdul Ghafar Ibrahim (AGI); penggiat teater tanah air, Khalid Salleh dan penyanyi lagu puisi serta ahli kumpulan Kopratasa, Sani Sudin.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah akan turut beraksi dengan puisi patriotik mewakili institusi itu, manakala Pengarang Kumpulan BH, Datuk Major Kamarul Shahid, mewakili akhbar ini.